

20 SEP 1999

DR MAHATHIR MULAKAN LAWATAN DUA HARI KE PERLIS

KANGAR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba hari ini dalam rangka lawatan kerja selama dua hari ke Perlis.

Perdana Menteri yang tiba dengan kereta do Arau dari Alor Setar disambut oleh pemimpin dan anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional.

Dengan diiringi Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim, beliau kemudiannya diarak oleh 500 penunggang motosikal sejauh 10 km ke hotel Putra Palace di sini.

Antara atur cara Dr Mahathir hari ini ialah menghadiri mesyuarat jawatankuasa perhubungan UMNO Perlis dan berucap pada majlis perhimpunan pemimpin bersama rakyat di Stadium Utama di sini.

Esok, Perdana Menteri akan merasmikan Maktab Perguruan Kangar di Behor Pulau dan kemudiannya melancarkan projek pembinaan rumah pangsa awam di Jalan Sekolah Derma di sini.

Beliau juga dijadual melawat Bukit Ayer Resort, sebuah pusat percutian yang baru diwujudkan di kawasan hutan lipur Bukit Ayer dekat sini.

-- BERNAMA

AD MAI